

# UMP kampus hijau, lestari

Sinar Harian (Sental) 17/1/19 (Khamis) M/s: 18

97 terbaik dunia  
penarafan  
UI-GreenMetric  
World University

NIK AMIRULMU'MIN  
NIK MIN

KUANTAN

Universiti Malaysia Pahang (UMP) tersenarai pada kedudukan ke-97 terbaik dunia dan ke-6 terbaik di Malaysia dalam Penarafan UI-GreenMetric World University Ranking 2018.

Penarafan berdasarkan usaha ke arah kelestarian kampus hijau dan pengurusan alam sekitar itu turut menjadikan UMP berada pada kedudukan ke-29 terbaik Asia dan kedudukan ke-16 di Asia Tenggara.

Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Seri Dr Daing Nasir

Ibrahim berkata, pencapaian itu menyaksikan UMP berjaya melonjak 10 anak tangga berbanding penarafan pada tahun 2017 meletakkan universiti itu pada kedudukan ke-107.

Menurutnya, penilaian dibuat berdasarkan enam kriteria utama iaitu keluasan tanah dan infrastruktur (15 peratus), tenaga dan perubahan iklim (21 peratus), sisa buangan (18 peratus), air (10 peratus), pengangkutan (18 peratus) dan Pendidikan (18 peratus).

"Pencapaian ini membuktikan komitmen berterusan pihak universiti terhadap pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar melalui pelbagai aktiviti pengajaran, penyelidikan, kokurikulum dan sistem pengurusan kualiti berteraskan pengurusan alam sekitar yang berkesan," katanya.

Daing Nasir berkata, agenda penghijauan kampus dan penjimatan antara yang



Kampus Utama UMP di Kuala Pahang diiktiraf sebagai kampung hijau dan lestari.

sering menjadi keutamaan universiti dalam setiap perancangan dan belajawan tahunan.

Beliau berkata, kampus utama UMP di Mukim Kuala Pahang dibangunkan di atas tanah paya yang ditambah antara cabaran utama kepada survival pokok-pokok yang ditanam.

"Bagaimanapun cabaran itu bukanlah alasan untuk UMP mengeneppikan fokusnya terhadap usaha mewujudkan kampus yang hijau dan lestari untuk warganya.

"Banyak kajian menunjukkan pengenalan baja organik sama ada dari bahan tumbuhan atau sisa haiwan kepada tanah pasir akan me-

ingkatkan kesuburannya dan juga meningkatkan sifat fizikal," katanya.

Menurutnya, UMP juga mengamalkan konsep 3R (Reduce, Reuse dan Recycle) dalam menguruskan pelbagai jenis bahan buangan yang dihasilkan di universiti tersebut.

"Kita turut memastikan

satu sistem pengurusan berkesan dalam menyingkirkan bahan buangan universiti dan pelupusan sisa yang mampan serta bertanggungjawab.

"Begitu juga dengan galakkan aktiviti berbasikal sebagai pengangkutan popular dan pada masa yang sama menjimatkan penggunaan bahan api dan lebih penting lagi dapat mengurangkan pengeluaran asap dan pencemaran udara. Selain sebagai pengangkutan yang sihat, ianya menggalakkan warga universiti mengamalkan budaya hidup yang sihat untuk beriadah," katanya.

Beliau berkata, warga UMP akan memberi sepenuh komitmen dalam mengurangkan kesan negatif terhadap alam sekitar disebabkan oleh aktiviti seharian.

"Kami juga akan menggunakan sumber secara optimum tanpa menjejaskan keperluan generasi akan datang," katanya.